

## PANTAI TIMUR DILANDA BANJIR

# 599 mangsa banjir dipindahkan

**Hujan berterusan sejak 3 hari lalu menyebabkan daerah Besut dan Setiu banjir**

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

**D**ua daerah di negeri ini iaitu Besut dan Setiu mula dilanda banjir ekoran peningkatan paras air sungai akibat hujan berterusan melanda negeri ini sejak tiga hari lalu.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana, Lt Kol (PA) Che Adam A Rahman, berkata, sehingga jam 6.30 petang semalam, sebanyak 12 buah pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka bagi menempatkan seramai 599 mangsa banjir daripada 178 buah keluarga.

Katanya, antara pusat pemindahan terlibat ialah di Sekolah Kebangsaan (SK) Felda Tenang, Dewan terbuka Belah dan Masjid Kampung La di Besut manakala sebuah lagi di Surau Kampung Hulu Seladang, Setiu.

"PPS di SK Felda Tenang dibuka jam 9 pagi ini (semalam) bagi menempatkan seramai 24 mangsa daripada lapan buah keluarga manakala PPS Surau Kampung Hulu Seladang dibuka jam 12.30 tengah hari (semalam) bagi menempatkan seramai 41 mang-



Keadaan jalan dinaiki air di Kampung Padang, Setiu yang dirakam petang semalam.

sa daripada 19 buah keluarga.

"Dewan Terbuka Belah dan Masjid Kampung La dibuka sekitar jam 2 petang ini (semalam) dan proses pemindahan masih dijalankan berdasarkan keperluan semasa," katanya.

Beliau yang juga Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Terengganu berkata, keadaan banjir yang berlaku semalam melibatkan fasa ketiga bencana banjir dan penduduk di kawasan yang berisiko dinaiki air diminta terus berjaga-jaga.

"Kita nasihatkan semua penduduk di kawasan berisiko banjir dan kawasan rendah supaya lebih berjaga-jaga dan berpindah awal di pusat pemindahan yang disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Pihak keselamatan akan sentiasa memantau keadaan paras

air sungai dan sentiasa menyalurkan maklumat terkini mengenai perkembangan semasa banjir di negeri ini," katanya.

Dalam perkembangan sama, Jabatan Meteorologi Malaysia turut mengeluarkan amaran cuaca waspada di mana hujan lebat dijangka melanda Kelantan, Terengganu, Pahang (Jerantut, Kuantan, Pekan dan Rompin), Johor (Mersing, dan Kota Tinggi) sehingga 2 Disember depan.

Sementara itu, *publicinfobanjir.water.gov.my* melaporkan paras air di lima sungai di negeri ini telah melebihi paras merbahaya menerusi maklumat yang dikemas kini jam 2 petang semalam.

Sungai Setiu di Kampung Beadung mencatatkan bacaan 17.88 meter (m), Sungai Besut di Kampung La (24.23m); Sungai Nerus di Kampung Langkap (21.54m);



FOTO: #ISAN ANGGATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Keadaan jalan yang dinaiki air di Kampung Hulu Seladang, Setiu.



Sebahagian rumah yang ditenggelami air di Kampung Hulu Seladang, Setiu.

Sungai Dungun di Kuala Jengai (21.02m) dan Sungai Chalok di jambatan Chalok, Setiu (8.76m).

Tiga sungai lagi di Dungun, Hulu Terengganu dan Setiu berada pada paras berjaga-jaga.

Aras air bagi Sungai Dungun di Kampung Pasir Raja mencatatkan bacaan 36.32m, Sungai Telemong di Kampung Kuala Ping, Hulu Terengganu berada pada paras 18.31m manakala Sungai Chalok di Jambatan Chalok, Setiu berada pada paras 7.34m.

Paras air bagi jambatan Permaisuri, Setiu pula berada pada bacaan

7.97m iaitu tahap berjaga-jaga.

Sementara itu di Pahang, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri telah menyediakan 664 pusat pemindahan banjir di seluruh negeri itu bagi menghadapi bencana banjir akan datang.

Pengarahnya, Zulkhairi Zainol Abidin berkata, setiap daerah mempunyai antara 26 hingga 92 pusat pemindahan yang akan dibuka apabila keadaan memerlukan.

"JKM beri jaminan untuk berusaha menyediakan yang terbaik kepada mangsa di negeri ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

## 125 mangsa banjir di Kuala Krai dipindah ke dua pusat pemindahan sementara

**KOTA BHARU** – Seramai 125 orang daripada beberapa kawasan di RTP Chenulang, Kuala Krai di sini mula dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Chenulang dan KEMAS Kampung Kuala Pertang bermula jam 11.45 pagi semalam.

Ketua Komander Operasi Bilik Gerakan Banjir Zon 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan, Nurul Alfisyahrin Mohd Zaki berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 10.10 pagi dan mendapat maklumat lanjut daripada ketua kampung RTP Chenulang.

"Kami menerima panggilan daripada ketua kampung RTP Chenulang yang mengatakan air telah naik secara mendadak.



Anggota bomba yang bertugas mendapatkan maklumat mangsa yang dipindahkan di SK Chenulang.

"Empat anggota dari Balai Sungai Durian dan lima dari Balai Kuala Krai keluar ke tempat kejadian untuk operasi menyelamatkan dan 14 orang mangsa

yang pertama diselamatkan ialah terdiri daripada enam orang dewasa dan lapan kanak-kanak.

"Pada jam 2.05 petang pula, dua lagi mangsa iaitu seorang le-

laki dan seorang perempuan diselamatkan dan di hantar ke pusat pemindahan," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai kawasan Tanah Merah, Nurul Alfisyahrin memberitahu, sehingga jam 2 petang semalam, tiada PPS dibuka di daerah itu walaupun trend air di sungai-sungai utama semakin menaik.

"Taburan hujan pula buat masa ini masih berterusan dan berhenti sekali sekala, ramalan hujan di Tanah Merah juga berterusan sehingga 2 Disember ini berdasarkan info daripada Jabatan Meteorologi Malaysia.

"Sebarang maklumat lanjut saya akan maklumkan dari masa ke masa. Pihak kami juga akan mempergiatkan rondaan di kawasan-kawasan berisiko," katanya.

Berdasarkan portal *publicinfobanjir.water.gov.my*, sehingga jam 10 pagi semalam, Sungai Golok di Jenob berada pada 22.18 meter (m) manakala bacaan paras berjaga-jaga ialah 21.50m.

Bacaan di Sungai Golok, Rantau Panjang pula ialah 7.57m iaitu sudah melepasi paras berjaga-jaga ditetapkan iaitu tujuh meter.

Dalam pada itu, bacaan paras air di lapan sungai melibatkan kawasan Gua Musang, Kuala Krai, Tanah Merah dan Pasir Puteh juga sudah melepasi paras normal.

Tiga sungai utama di Gua Musang yang melepasi paras normal ialah Sungai Galas di Kampung Lembaga (82.89m), Sungai Lebir di Kuala Koh (63.5m) dan juga Sungai Galas di Limau Kasturi (55.09m).